

BAB EMPAT

ANALISA DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan tentang penganalisaan data yang dilakukan berpandukan soal selidik yang telah diperolehi semula daripada 100 responden iaitu di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Analisa data akan dikaitkan dengan penemuan dan dapatan kajian yang dilakukan berpandukan kepada 5 bahagian yang terdapat di dalam soal selidik.

Dalam penyelidikan deskriptif, data yang didapati perlu diproses dan dianalisa. Pemprosesan data melibatkan penentuan kesahan data, pengkodan, kemasukan data ke dalam komputer dan penyimpanan data. Data yang sempurna perlu disediakan bagi penganalisaan. Analisa data bergantung kepada objektif penyelidikan. Di antara analisa yang digunakan ialah pemeratusan, jadual silang dan kolerasi (Mohd. Majid, 1994).

Maklumat yang dikumpul telah dianalisa dan diuji untuk kesahannya menggunakan perisian 'Statistical Packages for the Social Sciences' (SPSS). Menurut Mohd. Majid (1994), beberapa perisian komputer boleh digunakan untuk mempercepatkan proses pengiraan pekali kebolehpercayaan sesuatu alat ukur. Pengiraan pekali kebolehpercayaan ini membolehkan kita mengurangkan kesilapan yang mungkin dilakukan dengan penggunaan manual.

Kajian kolerasi memberi penekanan kepada penentuan sejauh mana kaitan di antara pembolehubah-pembolehubah (variable). Ini membolehkan penyelidik

menentukan variasi yang berlaku pada satu atau pembolehubah dan kaitannya dengan variasi yang berlaku pada satu pembolehubah yang lain (Mohd. Majid, 1994).

Variabel yang dikenal pasti telah diuji dan dipersembahkan dengan sesuai samada dalam bentuk gambarajah (carta pie) atau bentuk jadual. Analisa data akan disampaikan berpandukan 5 bahagian yang terdapat dalam soal selidik.

Di dalam kajian yang telah dijalankan mengenai penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, seramai 100 orang responden yang mewakili 3% daripada populasi pelajar-pelajar API, telah menjawab dan mengembalikan borang soal selidik dengan sempurna. Ini bermakna peratusan yang dicatatkan adalah sebanyak 100%. Di dalam soal selidik yang dijalankan, maklumat asas mengenai responden amat penting dan diperlukan bagi mengetahui latar belakang responden seperti jantina, umur dan tahun pengajian, bahagian atau jurusan dan lain-lain.

4.2 Profil Peribadi Responden

Bahagian ini adalah bertujuan untuk mengetahui profil peribadi responden secara ringkas iaitu pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Bahagian ini juga menumpukan kepada pengenalan asas responden kepada kajian dan jawapannya adalah penting dan diperlukan bagi sokongan kepada kajian yang dijalankan. Profil peribadi responden juga menerangkan mengenai status pengajian responden yang merangkumi ijazah dasar, sarjana dan PhD. Selain itu, ia juga bertujuan mengetahui bahagian dan jabatan, jantina dan umur responden yang terlibat.

4.3 Status Pelajar

Jadual 4.3 : Status Pelajar
(n= 100)

Status Pelajar	Peratus (%)
Tahun 1	16.0
Tahun 2	27.0
Tahun 3	37.0
Tahun 4	11.0
Sarjana	6.0
PhD	3.0
Jumlah	100.0

Soalan ini adalah bertujuan untuk mengetahui status pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Berdasarkan jadual 4.3, responden yang tertinggi adalah daripada kalangan pelajar tahun 3 iaitu sebanyak 37.0%, manakala diikuti oleh pelajar tahun 2 yang mencatatkan sebanyak 27.0%. Bagi pelajar tahun 1 adalah sebanyak 16.0% dan diikuti pelajar tahun 4 iaitu 11.0%. Responden yang seterusnya adalah pelajar sarjana iaitu 6.0% dan pelajar Ph.D. ialah 3.0%.

4.4 Bahagian Responden

Jadual 4.4 : Bahagian Responden
(n=100)

Bahagian	Peratus (%)
Bahagian Syariah	47.0
Bahagian Usulluddin	23.0
Bahagian Pendidikan Islam	17.0
Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam	13.0
Jumlah	100.0

Sebagaimana yang diketahui, terdapat empat bahagian utama di fakulti ini seperempat yang telah ditunjukkan di jadual 4.4. Berdasarkan jadual tersebut didapati

bahawa Bahagian Syariah mencatatkan bilangan responden yang tertinggi iaitu 47.0%. Bahagian Usuluddin pula mencatatkan sebanyak 23.0% dan selebihnya adalah Bahagian Pendidikan Islam iaitu 17.0% dan 13% pula dari Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam.

4.5 Jabatan Responden

Jadual 4.5 : Jabatan Responden
(n=100)

Jabatan	Peratus (%)
Akidah & Pemikiran Islam	1.0
Alam Sekitar	3.0
Biologi	4.0
Bioteknologi	4.0
Dakwah & Pembangunan	1.0
Insan	8.0
Ekonomi	7.0
Fiqh dan Usul	24.0
Pendidikan Islam	13.0
Pengurusan	1.0
Quran & Hadis	1.0
Quran & Sunnah	1.0
Sejarah dan Tamadun Islam	1.0
Siasah Syariah	2.0
Undang-Undang	13.0
Tidak Ditulis	16.0
Jumlah	100.0

Soalan ini adalah bertujuan untuk mengetahui jabatan responden berdasarkan pecahan terhadap empat bahagian utamanya. Jadual 4.5 menunjukkan bilangan responden yang tertinggi adalah daripada jabatan Fiqh dan Usul yang mencatatkan 24.0%, jabatan Pendidikan Islam dan Undang-Undang, masing-masing mencatatkan 13.0% dan seterusnya jabatan-jabatan sepertimana di dalam jadual. Jumlah 16.0% merupakan catatan bagi jumlah responden tidak mencatatkan jabatan yang mereka duduki.

4.6 Jantina Responden

Jadual 4.6 : Jantina Responden
(n=100)

Jantina	Peratus (%)
Lelaki	43.0
Perempuan	57.0
Jumlah	100.0

Berdasarkan daripada keseluruhan jumlah responden yang menjawab soal selidik ini, didapati jumlah responden yang tertinggi adalah dari golongan pelajar perempuan iaitu sebanyak 57.0% dan selebihnya iaitu sebanyak 43.0% adalah lelaki. Ini dijelaskan di dalam jadual 4.6.

4.7 Umur Responden

Jadual 4.7 : Umur Responden
(n=100)

Umur	Peratus (%)
25 tahun ke bawah	92.0
26-30 tahun	5.0
31-35 tahun	1.0
41-45 tahun	1.0
46-50 tahun	1.0
Jumlah	100.0

Jadual di atas (Jadual 4.7) menunjukkan purata umur responden iaitu di antara usia 25–50 tahun. Responden yang berumur 25 tahun ke bawah adalah responden yang tertinggi menjawab soal selidik ini dengan peratusan sebanyak 92.0%, manakala jumlah terendah pula adalah pada purata umur 31–50 tahun yang mewakili peratusan sebanyak 1.0% bagi setiap tahap umur sepertimana yang ditunjukkan di dalam jadual.

4.8 Persepsi Terhadap Internet

Soalan ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya terhadap Internet dalam proses pembelajaran. Berdasarkan soal selidik yang dijalankan, kesemua responden yang ditemui iaitu seramai 100 orang mengetahui mengenai Internet. Peratus yang dicatatkan adalah sebanyak 100%. Sejajar dengan itu, tiada responden yang menafikan bahawa mereka tidak tahu mengenai Internet. Soalan ini juga memberikan empat pilihan utama yang menggambarkan persepsi mereka terhadap soalan yang dikemukakan iaitu tidak bersetuju, kurang bersetuju, bersetuju dan sangat bersetuju.

Jadual 4.8 : Persepsi tentang Internet
(n=100)

Persepsi tentang Internet	Tidak bersetuju		Kurang bersetuju		Bersetuju		Sangat bersetuju		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat	0	0.0	1	1.0	49	49.0	50	50.0	100	100.0
Menyampaikan isu-isu semasa	0	0.0	5	5.0	49	49.0	46	46.0	100	100.0
Menyebarluaskan maklumat tentang bahan terkini	0	0.0	8	8.0	49	49.0	43	43.0	100	100.0
Agen perhubungan antara pelajar dan pengajar	3	3.0	35	35.0	49	49.0	13	13.0	100	100.0
Agen peningkatan kepuasan terhadap proses pencarian maklumat	1	1.0	14	14.0	60	60.0	25	25.0	100	100.0
Menyediakan bahan yang menarik dan sesuai	2	2.0	15	15.0	57	57.0	20	20.0	100	100.0
Pengetahuan semakin bertambah	0	0.0	8	8.0	51	51.0	41	41.0	100	100.0
Sumber maklumat yang merosakkan fikiran	6	6.0	44	44.0	37	37.0	13	13.0	100	100.0
Membawa nilai yang negatif	5	5.0	50	50.0	33	33.0	12	12.0	100	100.0
Lain-lain	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0

Soalan ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap Internet dalam proses pembelajaran mereka. Jadual 4.8 menunjukkan 50.0% responden sangat bersetuju bahawa Internet merupakan sumber rujukan dalam proses pembelajaran. Sebanyak 49.0%

pula bersetuju dengan pernyataan tersebut, tetapi hanya 1.0% sahaja yang menyangkal dan kurang bersetuju.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa responden tidak manafikan Internet membawa kepada pengetahuan dan kesedaran terhadap isu-isu semasa. Ini dapat dilihat di dalam jadual di atas iaitu sebanyak 49.0% bersetuju, manakala 46.0% responden sangat bersetuju dan bagi responden yang kurang bersetuju adalah sebanyak 5.0%.

Responden yang bersetuju bahawa Internet membawa maklumat dan bahan terkini adalah sebanyak 49.0%, manakala 43.0% mengatakan sangat bersetuju dan selebihnya iaitu 8.0% adalah kurang bersetuju.

Jadual ini juga menunjukkan bahawa pelajar bersetuju Internet sebagai agen perhubungan antara pelajar dan pengajar, khususnya dalam proses pembelajaran. Persepsi ini dicatatkan peratusan sebanyak 49.0%. Sebanyak 35.0% yang lain pula kurang bersetuju dan di sokong pula oleh 3.0% daripadanya yang tidak bersetuju. Selain itu, 13.0% responden yang lain mengatakan sangat bersetuju bahawa Internet merupakan agen perhubungan di antara pelajar dan pengajar.

Internet bukan sahaja sebagai bahan rujukan, tetapi ia juga berfungsi sebagai agen pencarian maklumat yang dikehendaki. Daripada jadual ini, responden yang bersetuju dicatatkan sebanyak 60.0% diikuti 25% daripadanya adalah sangat bersetuju. Bagi responden yang tidak bersetuju adalah sebanyak 1.0% sahaja dan 14.0% adalah kurang bersetuju.

Jadual ini juga menunjukkan sebanyak 57.0% responden bersetuju bahawa Internet merupakan bahan yang menarik dan sesuai. Sebanyak 26.0% daripadanya mengatakan sangat bersetuju dan 15% pula kurang bersetuju, diikuti dengan 2.0% responden yang tidak bersetuju.

Selain merupakan bahan yang memberikan maklumat, Internet juga dikaitkan dengan medium bagi pertambahan pengetahuan kepada penggunanya. Pernyataan ini disokong oleh 51.0% responden, diikuti dengan 41.0% responden yang sangat bersetuju dan selebihnya adalah responden yang kurang bersetuju dengan catatan sebanyak 8.0 %.

Selain dari memberikan perkhidmatan yang positif, Internet juga seringkali dikaitkan dengan suatu medium yang membawa unsur-unsur yang negatif. Di antara unsur tersebut adalah bersifat maklumat yang boleh merosakkan fikiran. Berdasarkan jadual 4.8, 44.0% daripada responden kurang bersetuju dengan pernyataan ini dan 6.0% menyokongnya dengan pilihan tidak bersetuju. Selain itu, 37.0% bersetuju bahawa Internet membawa maklumat yang merosakkan fikiran lalu disokong oleh 13.0% responden yang lain dengan pilihan sangat bersetuju.

Didapati, separuh daripada jumlah responden iaitu sebanyak 50.0% kurang bersetuju dan 5.0% tidak bersetuju mengatakan Internet membawa nilai negatif. Sebanyak 33.0% bersetuju dan diikuti 12.0% yang lain sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa Internet membawa nilai yang negatif terhadap pelajar-pelajar.

Jadual 4.8(a) : Min Persepsi Tentang Internet
(n=100)

Persepsi tentang Internet	Jumlah	Min	Sisihan Piawai
Sumber rujukan	100	3.49	.522
Isu-isu semasa	100	3.41	.588
Maklumat dan bahan terkini	100	3.35	.626
Agen perhubungan pelajar-pengajar	100	2.72	.726
Agen pencarian maklumat	100	3.08	.646
Bahan yang menarik dan sesuai	100	3.07	.700
Pengetahuan bertambah	100	3.33	.620
Maklumat yang merosakkan fikiran	100	2.57	.795
Membawa nilai negatif	100	2.52	.772
Lain-lain	0	.	.

Merujuk kepada jadual di atas, didapati bahawa min yang paling tinggi bagi persepsi pelajar mengenai Internet ialah pelajar berpendapat bahawa Internet merupakan sumber rujukan iaitu sebanyak 3.49, diikuti oleh min yang mengatakan bahawa Internet memberikan informasi mengenai isu-isu semasa (3.41) serta membawa maklumat dan bahan terkini (3.35). Bagi min yang paling rendah pula adalah persepsi pelajar yang mengatakan bahawa Internet membawa nilai yang negatif sebanyak 2.52, diikuti min sebanyak 2.57 bagi pendapat bahawa Internet membawa maklumat yang merosakkan fikiran dan pendapat bahawa Internet merupakan agen pelajar dan pengajar pula mencatatkan min sebanyak 2.72.

Jadual 4.9(a) : Tabulasi Silang Sumber Rujukan, Ilmu Pengetahuan Dan Maklumat Dengan Bahagian
(n=100)

Sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat	Bahagian									
	Syariah		Usuluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak setuju	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang setuju	1	1.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	1	1.0
Setuju	22	22.0	11	11.0	11	11.0	5	5.0	49	49.0
Sangat setuju	24	24.0	12	12.0	6	6.0	8	8.0	50	50.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.9(a) di atas menunjukkan tabulasi silang sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat dengan bahagian. Berdasarkan jadual tersebut, didapati hanya responden daripada bahagian Syariah sahaja yang kurang setuju bahawa Internet merupakan sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat. Ini mencatatkan peratusan sebanyak 1.0% sahaja. Secara keseluruhannya, sebanyak 99.0% responden daripada empat bahagian tersebut berpendapat bahawa mereka adalah setuju dan sangat bersetuju dengan kenyataan di atas.

Jadual 4.9(b) : Tabulasi Silang Sumber Rujukan, Ilmu Pengetahuan Dan Maklumat Dengan Jantina
(n=100)

Sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang setuju	0	0.0	1	1.0	1	1.0
Setuju	16	16.0	33	33.0	49	49.0
Sangat setuju	27	27.0	23	23.0	50	50.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.9(b) menunjukkan tabulasi silang sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat dengan jantina. Didapati, responden lelaki secara keseluruhannya iaitu 43.0% memilih jawapan setuju dan sangat setuju. Ini bermakna, pendapat keseluruhan responden lelaki adalah bersifat positif dan mengakui sepenuhnya bahawa Internet merupakan sumber rujukan, ilmu pengetahuan dan maklumat. Berbeza dengan responden perempuan, terdapat 1.0% daripada 57.0% yang mengatakan kurang setuju dengan kenyataan tersebut.

**Jadual 4.10(a) : Tabulasi Silang Menyampaikan Isu-Isu Semasa Dengan Bahagian
(n=100)**

Menyampaikan isu-isu semasa	Bahagian									
	Syariah		Usulluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak setuju	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang setuju	4	4.0	0	0.0	1	1.0	0	0.0	5	5.0
Setuju	25	25.0	12	12.0	7	7.0	5	5.0	49	49.0
Sangat setuju	18	18.0	11	11.0	9	9.0	8	8.0	46	46.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.10(a) di atas merupakan tabulasi silang di antara menyampaikan isu-isu semasa kepada bahagian. Data menunjukkan seramai 95.0% responden adalah bersetuju berbanding 5.0% yang kurang bersetuju iaitu 4.0% daripada responden Bahagian Syariah dan 1.0% daripada responden Bahagian Pendidikan Islam.

**Jadual 4.10(b) : Tabulasi Silang Menyampaikan Isu-Isu Semasa Dengan Jantina
(n=100)**

Menyampaikan isu-isu semasa	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang setuju	2	2.0	3	3.0	5	5.0
Setuju	20	20.0	29	29.0	49	49.0
Sangat setuju	21	21.0	25	25.0	46	46.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.10(b) di atas merupakan tabulasi silang di antara menyampaikan isu-isu semasa kepada jantina. Data menunjukkan daripada 5.0% responden yang kurang setuju bahawa Internet berperanan menyampaikan isu-isu semasa adalah terdiri daripada responden lelaki yang mewakili 2.0%, manakala 3.0% adalah daripada responden perempuan.

**Jadual 4.11(a) : Tabulasi Silang Menyebarluaskan Maklumat Tentang Bahan Terkini Dengan Bahagian
(n=100)**

Menyebarluaskan maklumat tentang bahan terkini	Bahagian						N	%		
	Syariah		Usuluddin		Pen. Islam					
	N	%	N	%	N	%				
Tidak setuju	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0		
Kurang setuju	7	7.0	0	0.0	1	1.0	0	0.0		
Setuju	28	28.0	12	12.0	6	6.0	3	3.0		
Sangat setuju	12	12.0	11	11.0	10	10.0	10	10.0		
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0		
							100	100.0		

Jadual 4.11(a) di atas merupakan tabulasi silang di antara menyebarluaskan maklumat tentang bahan terkini kepada bahagian. Didapati, responden daripada Bahagian Syariah mendominasi pendapat kurang setuju apabila mencatatkan peratusan sebanyak 7.0%

dari pada 8.0% responden yang kurang setuju. Bahagian Usulluddin dan Sains Gunaan dan Pengajian Islam mencatatkan responden yang memilih jawapan positif secara keseluruhannya iaitu setuju dan sangat setuju.

**Jadual 4.11(b) : Tabulasi Silang Menyebarkan Maklumat Tentang Bahan Terkini Dengan Jantina
(n=100)**

Menyebar maklumat tentang bahan terkini	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang setuju	4	4.0	4	4.0	8	8.0
Setuju	21	21.0	28	28.0	49	49.0
Sangat setuju	18	18.0	25	25.0	43	43.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.11(b) di atas merupakan tabulasi silang di antara menyebarkan maklumat tentang bahan terkini kepada jantina. Data menunjukkan seramai 4.0% responden lelaki dan 4.0% responden perempuan kurang bersetuju bahawa Internet menyebarkan maklumat tentang bahan terkini. Sebanyak 92.0% responden yang lain memilih jawapan setuju dan sangat setuju, manakala tiada peratusan yang dicatatkan bagi persepsi yang tidak bersetuju terhadap kenyataan di atas.

**Jadual 4.12(a) : Tabulasi Silang Agen Perhubungan Antara Pelajar dan Pengajar Dengan Bahagian
(n=100)**

Agen perhubungan antara pelajar dan pengajar	Bahagian									
	Syariah		Usulluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak setuju	3	3.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	3	3.0
Kurang setuju	21	21.0	6	6.0	5	5.0	3	3.0	35	35.0
Setuju	20	20.0	15	15.0	7	7.0	7	7.0	49	49.0
Sangat setuju	3	3.0	2	2.0	5	5.0	3	3.0	13	13.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.12(a) di atas menunjukkan tabulasi silang agen perhubungan antara pelajar dan pengajar dengan bahagian. Data menunjukkan sebanyak 3.0% responden yang tidak bersetuju. Peratusan ini hanya mewakili Bahagian Syariah sahaja dan tiada responden yang dicatatkan daripada tiga bahagian yang lain. Selain itu, data juga menunjukkan bahawa Bahagian Syariah dimonopoli oleh responden yang tidak dan kurang bersetuju iaitu 24.0% berbanding responden yang setuju dan sangat bersetuju iaitu 23.0% daripada keseluruhan peratusan bahagian ini iaitu 47.0%.

**Jadual 4.12(b) : Tabulasi Silang Agen Perhubungan Antara Pelajar dan Pengajar Dengan Jantina
(n=100)**

Agen perhubungan antara pelajar dan pengajar	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	2	2.0	1	1.0	3	3.0
Kurang setuju	9	9.0	26	26.0	35	35.0
Setuju	25	25.0	24	24.0	49	49.0
Sangat setuju	7	7.0	6	6.0	13	13.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.12(b) di atas menunjukkan tabulasi silang agen perhubungan antara pelajar dan pengajar dengan jantina. Didapati, responden perempuan mencatatkan peratusan tidak setuju dan kurang setuju yang tinggi iaitu 27.0% daripada peratus keseluruhan responden perempuan iaitu 57.0%. Ini bermakna, hanya 30.0% daripada 57.0% responden perempuan yang mengakui bahawa Internet merupakan agen perhubungan antara pelajar dan pengajar.

**Jadual 4.13(a) : Tabulasi Silang Agen Peningkatan Kepuasan Terhadap Proses Pencarian Maklumat Dengan Bahagian
(n=100)**

Agen peningkatan kepuasan	Bahagian									
	Syariah		Usuluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak setuju	1	1.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	1	1.0
Kurang setuju	10	10.0	2	2.0	2	2.0	0	0.0	14	14.0
Setuju	26	26.0	15	15.0	10	10.0	9	9.0	60	60.0
Sangat setuju	9	9.0	6	6.0	5	5.0	4	4.0	24	24.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.13(a) menunjukkan tabulasi silang di antara agen peningkatan kepuasan terhadap proses pencarian maklumat kepada status bahagian. Terdapat 1.0% responden daripada Bahagian Syariah yang tidak bersetuju, berbanding bahagian-bahagian yang lain, manakala responden daripada Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam secara keseluruhannya adalah bersetuju iaitu 13.0% tanpa catatan peratusan responden yang tidak dan kurang setuju.

**Jadual 4.13(b) : Tabulasi Silang Agen Peningkatan Kepuasan Terhadap Proses Pencarian Maklumat Dengan Jantina
(n=100)**

Agen peningkatan kepuasan	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	0	0.0	1	1.0	1	1.0
Kurang setuju	6	6.0	8	8.0	14	14.0
Setuju	23	23.0	37	37.0	60	60.0
Sangat setuju	14	14.0	11	11.0	25	25.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.13(b) menunjukkan tabulasi silang di antara agen peningkatan kepuasan terhadap proses pencarian maklumat dengan jantina. 1.0% daripada responden perempuan tidak setuju, manakala tiada peratusan tidak setuju daripada responden lelaki. Bagi pendapat kurang setuju pula, 6.0% daripada keseluruhan 14.0% adalah terdiri responden lelaki dan 8.0% selebihnya adalah responden perempuan.

**Jadual 4.14(a) : Tabulasi Silang Menyediakan Bahan Yang Menarik Dan Sesuai Dengan Bahagian
(n=100)**

Menyediakan bahan yang menarik dan sesuai	Bahagian									
	Syariah		Usulluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak setuju	2	2.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	2	2.0
Kurang setuju	9	9.0	2	2.0	3	3.0	1	1.0	15	15.0
Setuju	29	29.0	14	14.0	8	8.0	6	6.0	57	57.0
Sangat setuju	7	7.0	7	7.0	6	6.0	6	6.0	26	26.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.14(a) di atas menunjukkan tabulasi silang menyediakan bahan yang menarik dan sesuai dengan bahagian. Bahagian Usulluddin, Pendidikan Islam dan Sains Gunaan dan Pengajian Islam tiada peratusan dicatatkan bagi pemilihan pendapat tidak setuju. Hanya Bahagian Syariah sahaja yang didapati tidak bersetuju bahawa Internet menyediakan bahan yang menarik dan sesuai dengan catatan peratus sebanyak 2.0%.

**Jadual 4.14(b) : Tabulasi Silang Menyediakan Bahan Yang Menarik Dan Sesuai Dengan Jantina
(n=100)**

Menyediakan bahan yang menarik dan sesuai	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	2	2.0	0	0.0	2	2.0
Kurang setuju	6	6.0	9	9.0	15	15.0
Setuju	17	17.0	40	40.0	57	57.0
Sangat setuju	18	18.0	8	8.0	26	26.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.14(b) menunjukkan tabulasi silang di antara menyediakan bahan yang menarik dan sesuai dengan jantina responden. Terdapat 2.0% responden lelaki yang tidak bersetuju manakala responden perempuan tiada peratusan yang tidak setuju.

**Jadual 4.15(a) : Tabulasi Silang Pengetahuan Semakin Bertambah Dengan Bahagian
(n=100)**

Pengetahuan semakin bertambah	Bahagian									
	Syariah		Usuluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak setuju	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang setuju	5	5.0	1	1.0	1	1.0	1	1.0	8	8.0
Setuju	29	29.0	9	9.0	9	9.0	4	4.0	51	51.0
Sangat setuju	13	13.0	13	13.0	7	7.0	8	8.0	41	41.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.15(a) di atas menunjukkan tabulasi silang pengetahuan semakin bertambah dengan bahagian. Didapati, 8.0% daripada responden yang kurang setuju adalah sebahagian besarnya daripada Bahagian Syariah iaitu 5.0% dan diikuti masing-masing 1.0% kepada tiga bahagian yang lain.

**Jadual 4.15(b) : Tabulasi Silang Pengetahuan Semakin
Bertambah Dengan Jantina**
(n=100)

Pengetahuan semakin bertambah	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang setuju	2	2.0	6	6.0	8	8.0
Setuju	19	19.0	32	32.0	51	51.0
Sangat setuju	22	22.0	19	19.0	41	41.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.15(b) di atas menunjukkan tabulasi silang pengetahuan semakin bertambah dengan jantina. Data menunjukkan bahawa tiada responden lelaki atau perempuan yang tidak setuju bahawa Internet menyumbang kepada pengetahuan yang bertambah. Selain itu, responden yang kurang bersetuju adalah 8.0% dan 6.0% daripadanya adalah terdiri dari responden perempuan.

**Jadual 4.16(a) : Tabulasi Silang Sumber Maklumat Yang Merosakkan
Fikiran Dengan Bahagian**
(n=100)

Sumber maklumat yang merosakkan fikiran	Bahagian								N	%		
	Syariah		Usulluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam					
	N	%	N	%	N	%	N	%				
Tidak setuju	4	4.0	1	1.0	1	1.0	0	0.0	6	6.0		
Kurang setuju	19	19.0	11	11.0	9	9.0	5	5.0	44	44.0		
Setuju	19	19.0	10	10.0	3	3.0	5	5.0	37	37.0		
Sangat setuju	5	5.0	1	1.0	4	4.0	3	3.0	13	13.0		
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0		

Jadual 4.16(a) menunjukkan tabulasi silang di antara sumber maklumat yang merosakkan fikiran kepada bahagian. Data menunjukkan bahawa 4.0% daripada responden Bahagian Syariah tidak bersetuju Internet merosakkan fikiran, manakala 1.0% daripada Bahagian Usulluddin, 1.0% daripada Pendidikan Islam dan tiada responden

yang tidak bersetuju daripada Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam. Walau bagaimanapun, peratusan antara responden yang bersetuju dan tidak bersetuju adalah seimbang iaitu masing-masing 50.0%.

**Jadual 4.16(b) : Tabulasi Silang Sumber Maklumat Yang Merosakkan Fikiran Dengan Jantina
(n=100)**

Sumber maklumat yang merosakkan fikiran	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	4	4.0	2	2.0	6	6.0
Kurang setuju	15	15.0	29	29.0	44	44.0
Setuju	15	15.0	22	22.0	37	37.0
Sangat setuju	9	9.0	4	4.0	13	13.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.16(b) menunjukkan tabulasi silang di antara sumber maklumat yang merosakkan fikiran dengan jantina. Didapati bahawa responden perempuan memilih jawapan tidak setuju dan kurang setuju iaitu sebanyak 31.0% dari 57.0%. Ini bermakna, responden lelaki adalah bersetuju bahawa sumber yang terdapat di dalam Internet adalah merosakkan fikiran berbanding responden perempuan.

**Jadual 4.17(a) : Tabulasi Silang Membawa Nilai Yang Negatif Dengan Bahagian
(n=100)**

Membawa nilai yang negatif	Bahagian									
	Syariah		Usulluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam			
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak setuju	3	3.0	1	1.0	1	1.0	0	0.0	5	5.0
Kurang setuju	25	25.0	12	12.0	8	8.0	5	5.0	50	50.0
Setuju	14	14.0	9	9.0	5	5.0	5	5.0	33	33.0
Sangat setuju	5	5.0	1	1.0	3	3.0	3	3.0	12	12.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.17(a) menunjukkan tabulasi silang membawa nilai yang negatif dengan bahagian. Data menunjukkan bahawa responden dari Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam secara keseluruhannya adalah setuju iaitu mencatatkan sebanyak 8.0% dari 13.0%.

**Jadual 4.17(b) : Tabulasi Silang Membawa Nilai Yang Negatif Dengan Jantina
(n=100)**

Membawa nilai yang negatif	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak setuju	4	4.0	1	1.0	5	5.0
Kurang setuju	14	14.0	36	36.0	50	50.0
Setuju	16	16.0	17	17.0	33	33.0
Sangat setuju	9	9.0	3	3.0	12	12.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.17(b) menunjukkan tabulasi silang di antara Internet membawa nilai yang negatif kepada jantina. Sebanyak 4.0% daripada responden lelaki tidak setuju, manakala hanya 1.0% daripada responden perempuan yang tidak bersetuju. Bagi responden yang sangat bersetuju mencatatkan peratusan sebanyak 9.0% bagi lelaki dan 3.0% responden perempuan adalah sangat bersetuju.

Jadual 4.18 Corak Penggunaan Internet

Soalan ini dikemukakan bertujuan untuk mengetahui corak penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar API dalam proses pembelajaran mereka.

4.18 Lokasi Penggunaan Internet

**Jadual 4.18 : Lokasi Penggunaan Internet
(n=100)**

Lokasi	Peratus (%)
Perpustakaan	14.0
Makmal komputer di fakulti	63.0
Pusat komputer di universiti	5.0
Rumah	7.0
Cyber cafe (Kedai siber)	11.0
Lain-lain	0.0
Jumlah	100.0

Soalan ini adalah bertujuan untuk mengetahui lokasi penggunaan Internet di kalangan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Jadual 4.18 menunjukkan lokasi yang sering digunakan bagi melayari Internet ialah di makmal komputer di fakulti yang mencatatkan 63.0%, diikuti dengan 14.0% di perpustakaan. Lokasi di cyber café (kedai siber) pula adalah sebanyak 11.0%, di rumah adalah sebanyak 7.0% dan 5.0% daripadanya adalah di pusat komputer yang terdapat di universiti.

**Jadual 4.19(a) : Tabulasi Silang Lokasi Penggunaan Internet Dengan Bahagian
(n=100)**

Lokasi penggunaan Internet	Bahagian									
	Syariah		Usulluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Perpustakaan	8	8.0	2	2.0	2	2.0	2	2.0	14	14.0
Makmal komputer di fakulti	32	32.0	14	14.0	9	9.0	8	8.0	63	63.0
Pusat komputer di universiti	3	3.0	1	1.0	1	1.0			5	5.0
Rumah	1	1.0	2	2.0	2	2.0	2	2.0	7	7.0
Cyber cafe	3	3.0	4	4.0	3	3.0	1	1.0	11	11.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.19(a) menunjukkan tabulasi silang di antara lokasi penggunaan Internet kepada bahagian. Sepertimana jadual di atas, 63.0% adalah menggunakan Internet di makmal komputer di fakulti. Responden dari Bahagian Syariah mencatatkan 32.0%, Bahagian Usulluddin 14.0%, 2.0% dari Pendidikan Islam dan 2.0% dari Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam.

**Jadual 4.19(b) : Tabulasi Silang Lokasi Penggunaan Internet Dengan Jantina
(n=100)**

Lokasi penggunaan Internet	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Perpustakaan	12	12.0	2	2.0	14	14.0
Makmal komputer di fakulti	18	18.0	45	45.0	63	63.0
Pusat komputer di universiti	3	3.0	2	2.0	5	5.0
Rumah	5	5.0	2	2.0	7	7.0
Cyber cafe	5	5.0	6	6.0	11	11.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.19(b) menunjukkan tabulasi silang di antara lokasi penggunaan Internet dengan jantina. Keseluruhan responden lelaki dan perempuan menggunakan makmal komputer di fakulti yang mencatatkan 63.9%. Jumlah yang paling rendah bagi responden perempuan menggunakan Internet ialah di perpustakaan, pusat komputer universiti dan rumah yang masing-masing mencatatkan sebanyak 2.0% setiap satu.

4.20 Pengetahuan Mengenai aplikasi Asas Internet

Soalan ini bertujuan untuk mengetahui pengetahuan responden mengenai aplikasi asas Internet.

Jadual 4.20 Pengetahuan Aplikasi Asas Internet
(n=100)

Pengetahuan aplikasi asas Internet	Tidak tahu langsung		Kurang mengetahui		Mengetahui		Sangat mengetahui		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Mel elektronik	5	5.0	12	12.0	56	56.0	27	27.0	100	100.0
WWW (World Wide Web)	0	0.0	13	13.0	62	62.0	25	25.0	100	100.0
Newsgroup/discussion list	9	9.0	48	48.0	35	35.0	8	8.0	100	100.0
IRC/Chat	3	3.0	22	22.0	53	53.0	22	22.0	100	100.0
Telnet	12	12.0	29	29.0	47	47.0	12	12.0	100	100.0
Enjin Pencarian	2	2.0	17	17.0	60	60.0	21	21.0	100	100.0
Lain-lain (Database)	0	0.0	0	0.0	2	2.0	0	0.0	2	2.0

Berdasarkan jadual 4.20, terdapat pelajar yang mengakui bahawa mereka tidak tahu langsung mengenai mel elektronik. Jumlah ini mencatatkan sebanyak 5.0%. 12.0% pula mengatakan kurang mengetahui. Namun, jumlah responden yang mengetahui adalah sebanyak 56.0% dan diikuti sebanyak 27.0% yang mengatakan sangat mengetahui.

Berdasarkan jadual di atas, 62.0% responden mengetahui mengenai WWW, diikuti 25.0% daripadanya sangat mengetahui. Sebanyak 13.0% yang lain mengatakan kurang mengetahui dan tiada responden yang tidak tahu langsung mengenainya.

Persepsi responden terhadap pengetahuan mengenai newsgroup/discussion list adalah kurang. Ini ditunjukkan di dalam jadual di atas iaitu sebanyak 48.0% mengatakan bahawa mereka kurang mengetahui, manakala 9.0% tidak tahu langsung mengenainya. Bagi responden yang mengetahui mengenai newsgroup/discussion list ini mencatatkan jumlah sebanyak 35.0% dan 8.0% yang lain adalah sangat mengetahui.

Berdasarkan jadual, masih terdapat responden yang tidak tahu langsung mengenai IRC/Chat. Ini mencatatkan jumlah 3.0% responden. Manakala sebanyak 22.0% responden kurang mengetahui. Namun 53.0% daripadanya mengetahui dan 22.0% yang lain mengatakan sangat mengetahui mengenai IRC/Chat.

Jadual tersebut menunjukkan bilangan responden yang mengetahui mengenai telnet adalah sebanyak 47.0%, manakala 12.0% adalah sangat mengetahui. Sebanyak 12.0% mengatakan bahawa mereka tidak tahu langsung dan 29.0% adalah kurang mengetahui.

Didapati sebilangan besar responden adalah mengetahui mengenai enjin pencarian. Sebilangan besar tersebut mencatatkan peratusan sebanyak 60.0% yang mengetahui, manakala 21.0% adalah sangat mengetahui. Terdapat responden yang tidak tahu langsung iaitu sebanyak 2.0% dan yang kurang mengetahui adalah sebanyak 17.0%. Selain itu, terdapat responden yang mengatakan bahawa mereka mengetahui mengenai database selain daripada aplikasi-aplikasi yang telah dikemukakan di dalam soalan 4.

Jadual 4.20(a) : Min Pengetahuan Aplikasi Asas Internet
(n=100)

Aplikasi asas Internet	Jumlah	Min	Sisihan Pawai
Mel elektronik	100	3.05	.770
WWW (World Wide Web)	100	3.12	.608
Newsgroup/discussion list	100	2.42	.768
IRC/Chat	100	2.94	.750
Telnet	100	2.59	.854
Enjin pencarian	100	3.00	.682
Lain-lain (Database)	2	4.00	.000

Jadual di atas menunjukkan min bagi pengetahuan responden mengenai aplikasi asas Internet. Didapati min yang paling tinggi adalah min bagi pilihan lain-lain iaitu

pengetahuan mengenai database iaitu sebanyak 4.00, diikuti oleh pengetahuan mengenai mel elektronik iaitu 3.05. Selain itu, pengetahuan mengenai WWW adalah sebanyak 3.12 dan 3.00 adalah pengetahuan mengenai enjin pencarian sebagai salah satu daripada aplikasi asas Internet. Min yang terendah ialah min bagi pengetahuan mengenai newsgroup/discussion list yang mencatatkan min sebanyak 2.42, manakala Telnet (2.59) dan IRC/Chat mencatatkan jumlah min sebanyak 2.94.

**Jadual 4.21(a) : Tabulasi Silang Pengetahuan Mengenai Aplikasi Asas Internet (Mel Elektronik) Dengan Bahagian
(n=100)**

Pengetahuan tentang mel elektronik	Bahagian									
	Syariah		Usulluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak tahu langsung	3	3.0	2	2.0	0	0.0	0	0.0	5	5.0
Kurang mengetahui	6	6.0	2	2.0	3	3.0	1	1.0	12	12.0
Mengetahui	27	27.0	12	12.0	9	9.0	8	8.0	56	56.0
Sangat mengetahui	11	11.0	7	7.0	5	5.0	4	4.0	27	27.0
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0

Jadual 4.21(a) menunjukkan tabulasi silang di antara pengetahuan mengenai aplikasi asas Internet iaitu mel elektronik dengan bahagian. Data menunjukkan bahawa terdapat responden yang tidak tahu langsung mengenai mel elektronik iaitu sebanyak 5.0%. Walau bagaimanapun, 3.0% adalah dari Bahagian Syariah dan 2.0% adalah dari Bahagian Usulluddin. Bahagian Pendidikan Islam dan Sains Gunaan dan Pengajian Islam tiada catatan peratusan bagi responden yang tidak tahu langsung mengenai mel elektronik.

Jadual 4.21(b) : Tabulasi Silang Pengetahuan Mengenai Aplikasi Asas Internet (Mel Elektronik) Dengan Jantina
(n=100)

Pengetahuan tentang mel elektronik	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak tahu langsung	0	0.0	5	5.0	5	5.0
Kurang mengetahui	4	4.0	8	8.0	12	12.0
Mengetahui	29	29.0	27	27.0	56	56.0
Sangat mengetahui	10	10.0	17	17.0	27	27.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.21(b) menunjukkan tabulasi silang di antara pengetahuan mengenai aplikasi asas Internet iaitu mel elektronik dengan jantina. Data menunjukkan, 5.0% responden yang tidak tahu langsung mengenai mel elektronik adalah merupakan responden perempuan sahaja. Ini bermakna, responden lelaki tiada yang tidak tahu langsung berkenaan aplikasi asas Internet ini.

Jadual 4.22(a) : Tabulasi Silang Pengetahuan Mengenai Aplikasi Asas Internet (WWW (World Wide Web)) Dengan Bahagian
(n=100)

Pengetahuan mengenai WWW	Bahagian								N	%		
	Syariah		Usuluddin		Pen. Islam		Sains Gunaan dan Pen. Islam					
	N	%	N	%	N	%	N	%				
Tidak tahu langsung	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0		
Kurang mengetahui	6	6.0	5	5.0	2	2.0	0	0.0	13	13.0		
Mengetahui	30	30.0	13	13.0	10	10.0	9	9.0	62	62.0		
Sangat mengetahui	11	11.0	5	5.0	5	5.0	4	4.0	25	25.0		
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0	100	100.0		

Jadual 4.22(a) menunjukkan tabulasi silang di antara pengetahuan mengenai aplikasi asas Internet iaitu WWW dengan bahagian. Data menunjukkan tiada bahagian yang mencatatkan jumlah di pilihan tidak tahu langsung. Bahagian yang mengetahui sepenuhnya mengenai WWW adalah dari Bahagian Sains Gunaan dan Pengajian Islam yang mencatatkan peratusan penuh iaitu 13.0% dari 13.0%.

**Jadual 4.22(b) : Tabulasi Silang Pengetahuan Mengenai Aplikasi Asas Internet (WWW (World Wide Web)) Dengan Jantina
(n=100)**

Pengetahuan mengenai WWW	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak tahu langsung	0	0.0	0	0.0	0	0.0
Kurang mengetahui	6	6.0	7	7.0	13	13.0
Mengetahui	25	25.0	37	37.0	62	62.0
Sangat mengetahui	12	12.0	13	13.0	25	25.0
Jumlah	43	43.0	57	57.0	100	100.0

Jadual 4.22(b) menunjukkan tabulasi silang di antara pengetahuan mengenai aplikasi asas Internet iaitu WWW dengan jantina. Didapati, daripada 13.0% responden yang kurang mengetahui mengenai WWW, 7.0% daripadanya adalah responden perempuan, berbanding 6.0% adalah responden lelaki.

Jadual 4.23(a) : Tabulasi Silang Pengetahuan Mengenai Aplikasi Asas Internet (Newsgroup/Discussion List) Dengan Bahagian (n=100)

Pengetahuan mengenai newsgroup/discussion list	Bahagian						N	%		
	Syariah		Usuluddin		Pen. Islam					
	N	%	N	%	N	%				
Tidak tahu langsung	5	5.0	2	2.0	2	2.0	0	0.0		
Kurang mengetahui	25	25.0	10	10.0	8	8.0	5	5.0		
Mengetahui	15	15.0	9	9.0	4	4.0	7	7.0		
Sangat mengetahui	2	2.0	2	2.0	3	3.0	1	1.0		
Jumlah	47	47.0	23	23.0	17	17.0	13	13.0		
							100	100.0		

